

GAYA BAHASA *BALAGHAH* LAFAZ *AL-MA'* DALAM AL-QUR'AN

Muhamad Khairul Anuar Bin Zulkepli
Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara,
mkaz@uitm.edu.my

ABSTRAK

Penciptaan *al-ma'* (air) di atas muka bumi ini merupakan tanda kewujudan penciptanya yang tidak dapat ditandingi. Kewujudan air turut dibuktikan menerusi al-Qur'an dan juga beberapa kajian ilmiah, saintifik dan sebagainya yang telah direalisasikan oleh para cendekiawan. Berdasarkan al-Qur'an, lafaz *al-ma'* diungkapkan sebanyak 63 kali frekuensi kekerapan dalam ayat-ayat yang berbeza. Namun, tidak semua lafaz tersebut dikupas aspek gaya bahasa *balaghah* yang termaktub dalam semua ayat al-Qur'an yang berbeza. Kekurangan tersebut menjadi lompangan utama yang perlu diberikan perhatian. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis saki baki lafaz *al-ma'* yang belum habis diterokai dalam al-Qur'an menerusi perspektif retorik serta melihat penggunaannya dalam konteks ayat. Kajian ini mendasari pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen dengan menjadikan al-Qur'an sebagai sumber premier untuk mengenalpasti dan menganalisis lafaz *al-ma'*. Sebanyak empat lafaz *al-ma'* dikenalpasti untuk dikaji dan pemilihan perkataan tersebut turut dibantu oleh *Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim* untuk mengenalpasti kedudukannya dalam ayat-ayat yang berbeza. Kemudian, ia disusuli dengan perbincangan lafaz *al-ma'* dari sudut tafsir dan seterusnya perbincangan dari aspek *balaghah*. Data dianalisis secara deskriptif dengan berpandukan pandangan para sarjana terhadap isu yang dibangkitkan oleh mereka. Hasil kajian mendapati bahawa pengungkapan lafaz *al-ma'* dalam al-Qur'an mempamerkan maksud tersendiri di sebalik kontekstual sesuatu ayat dan ia mampu dibuktikan menerusi *nazm*, *uslub al-insya'*, *isti'arah* dan *al-ta'rif*.

Kata kunci: *Al-ma'*, *balaghah*, al-Qur'an, gaya bahasa

Pengenalan

Al-Qur'an merupakan kalam Allah yang dipenuhi dengan variasi gaya bahasa tersendiri untuk menyampaikan sesuatu mesej sama ada secara jelas atau tersirat. Penggunaan gaya bahasa yang berbagai-bagai dalam al-Qur'an membuktikan bahawa ia satu kalam yang agung dan tidak dapat ditandingi oleh sesiapa sekalipun. Bahkan, perkara seumpama ini telah dilakarkan dalam firmanNya yang berbunyi:

﴿قُلْ لَّيْنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri”

(*al-Isra' 17: 88*)

Keindahan gaya bahasa al-Qur'an ini dapat dilihat menerusi variasi perkataan atau lafaz yang tersusun dalam sesuatu ayat. Pembentukan perkataan atau lafaz-lafaz yang tersusun indah dalam ayat al-Qur'an terserlah dalam berbagai-bagai aneka bentuk frasa gabungan perkataan, kontekstual dan sebagainya. Ini menggambarkan setiap perkataan atau lafaz dalam al-Qur'an tidak sia-sia atau menjadi hiasan semata-mata. Malah, kesenian yang terbentuk ini menjadi percambahan kepada idea dan mesej yang terkandung di sebalik ayat al-Qur'an.

Salah satu daripada kesenian gaya bahasa al-Qur'an dapat diperhatikan pada aspek pengungkapan sesuatu lafaz atau perkataan. Antara lafaz yang menjadi fokus kajian ini ialah lafaz *al-ma'*. Pengungkapan lafaz tersebut tercatat sebanyak 63 frekuensi kekerapan dalam setiap ayat al-Qur'an yang berbeza-beza. Pengulangan lafaz dalam setiap ayat yang berbeza mengikut kepelbagaian konteks dan gaya bahasa membawa kepada percambahan idea dan tema tertentu. Kajian yang melibatkan pengungkapan *al-ma'* dari aspek gaya bahasa dapat dilihat pada kajian Sa'ad (2015) yang membincangkan keindahan simile dalam al-Qur'an. Antara yang menjadi kupasan dalam kajiannya ialah satu lafaz *al-ma'* menggambarkan kerugian bagi golongan kafir yang meminta dan memohon doa kepada berhala-berhala mereka. Gambaran ini diumpamakan dengan gambaran konkrit menerusi air yang mengalir ke tapak tangan untuk dimasukkan ke mulut ia tidak masuk. Gambaran ini mencerminkan satu panorama kehidupan golongan kafir seolah-olah bertukar arah hidup dari hidayah kepada kejahatan dan kesesatan.

Dalam kajian Saihud (2019) pula, beliau ada mengupas aspek keindahan *tashbih* yang terkandung dalam surah-surah *makiyyah*. Antara yang disentuh ialah penggunaan lafaz *al-ma'* pada ayat dari surah al-A'raf menyerlahkan gambaran kehidupan semula yang dibangkitkan selepas kematian. Kehidupan yang dinyatakan tersebut dibandingkan seperti tanah gersang dan tandus kemudian hidup kembali dengan tanaman dan tumbuhan. Melihat kepada kedua-dua kajian yang dinyatakan tersebut, ia memang berkisarkan kepada aspek *uslub balaghah* atau gaya bahasa. Namun, perbincangannya tidak menyentuh semua 63 lafaz *al-ma'* yang termaktub dalam al-Qur'an dan perbincangan dari sudut *balaghah* hanya menyentuh beberapa gaya bahasa. Oleh yang demikian, terdapat beberapa gaya bahasa lain atau skop *balaghah* tidak disentuh dan ini memberikan ruang kepada kajian untuk memperhalusi saki-baki lafaz *al-ma'* dalam ayat-ayat lain yang tidak dibincangkan lagi.

Metodologi

Kajian ini lebih mendasari pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian tekstual. Dalam kajian ini, al-Qur'an dijadikan sumber premier untuk menganalisis lafaz *al-ma'* yang terkandung dalam ayat-ayat al-Qur'an.

Peringkat Pengumpulan Data

Al-Qur'an menjadi korpus utama bagi mengenalpasti lafaz *al-ma'*. Terdapat 63 lafaz *al-ma'* terkandung dalam ayat-ayat yang berbeza dan ia merangkumi penggunaan lafaz tersebut secara hakikat dan *majaz*. Namun, kajian ini lebih menumpukan kepada pengungkapan lafaz *al-ma'* yang hakikat sahaja. Sebanyak empat lafaz *al-ma'* yang hakikat dikenalpasti berpandukan pengkajian terdahulu seperti al-Sahari (466H) dalam kitabnya iaitu *Kitab al-Ma' Awwal Mu'jam Tibbi*

Lughawi fi al-al-Tarikh dan kajian-kajian terkini yang telah direalisasikan seperti al-Za'arir (2003), Muhammad (2010), Yaaqob (2014), al-Sayyid (2017) dan Saihud (2019).

Langkah seterusnya ialah mengenalpasti lafaz *al-ma'* yang terkandung dalam ayat-ayat al-Qur'an dan ini juga turut diketahui berpandukan kepada kajian-kajian yang telah dinyatakan tersebut. Pemilihan ayat-ayat tersebut dibantu oleh *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an* (2001) yang menjadi pilihan utama kajian kerana ia menyenaraikan setiap perkataan mengikut susunan huruf dari Alif hingga Ya. Dari setiap susunan huruf tersebut, lafaz *al-ma'* tersenarai mengikut surah, kedudukan ayat dan kekerapan pengulungannya dalam al-Qur'an. Manakala aspek terjemahan kepada ayat-ayat al-Qur'an adalah berpandukan kepada *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an* (2001).

Peringkat Analisis Data

Analisis data yang diimplementasikan dalam kajian ini adalah berteraskan kaedah deskriptif. Ia dilaksanakan dengan bersandarkan kepada beberapa disiplin ilmu iaitu leksikografi, tafsir dan *balaghah*. Lafaz *al-ma'* dihuraikan terlebih dahulu aspek leksikografinya berpandukan kepada kamus klasik Arab iaitu *Lisan al-Arab* (1999).

Kemudian, lafaz tersebut akan dikupas dari sudut penafsiran dalam ayat berkaitan. Oleh yang demikian, terdapat beberapa tafsir yang digunakan bagi melihat kepelbagaian dari aspek penghuraian dan kupasan terhadap lafaz *al-ma'* dalam sesuatu ayat yang berkaitan. Antara tafsir yang dimaksudkan ialah *Tafsir Ibn Kathir* (1998), *fi Zilal al-Qur'an* (1978), *Fath al-Bayan fi Maqasid al-Qur'an* (1992), *Fath al-Qadir* (1994) dan *Tafsir al-Munir fi al-'Akidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj* (2009). Peringkat seterusnya ialah kajian *balaghah* terhadap lafaz *al-ma'* dalam ayat yang dibincangkan. Lafaz *al-ma'* yang tertera dalam ayat akan digaris dan dibincangkan aspek *balaghah* yang berkaitan. Analisis *balaghah* ini berteraskan kepada ilmu *balaghah* yang disusun oleh al-Jurjani (471H) yang turut melibatkan beberapa perkara seperti tatabahasa, kajian linguistik dan sastera Arab dalam memahami serta menghalusi *bayan* al-Qur'an.

Dapatan Dan Perbincangan

Bil	Surah	Ayat	Kekerapan
1	al-A ^c raf	50	1
2	al-Waqi ^c ah	68	1
3	al-Mulk	30	2
4	al-Nazi ^c at	31	1

Jadual 1: Lafaz *al-ma'* yang hakikat dalam ayat al-Qur'an

Al-ma' Dari Sudut Leksikografi

Menurut Ibn Manzur (1999), lafaz *al-ma'* bermula daripada perkataan *موه*. Terdapat tiga lafaz yang berkaitan rapat dengan air iaitu *الماء*, *الماء* dan *الماءة*. Ungkapan *الماء* ialah lafaz air yang mengalami perubahan huruf *ha'* kepada huruf *hamzah* membentuk lafaz *al-ma'*. Bermakna, asal bagi lafaz *al-ma'* ialah *ماءة* dan kata *jamak* bagi *al-ma'* ialah *amwah* dan *miyah*.

Al-Fayruz Abadi (2005) pula menyebut bahawa air dalam bahasa Arab disebut menerusi perkataan *الماء*, *الماء* dan *الماءة*. Huruf *hamzah* yang terdapat pada perkataan tersebut ialah huruf yang telah digantikan huruf asalnya iaitu *ha'* (*ماه*). Kata *jamak* bagi ketiga-tiga perkataan tersebut ialah *أمواه* dan *مياه*. Ibn Faris (1975) menyebut perkataan *al-ma'* berasal daripada perkataan *موه* dan ini menunjukkan bahawa huruf *hamzah* pada *al-ma'* ialah huruf gentian kepada huruf yang asal iaitu *ha'*.

Al-Ma' Dari Konteks Penafsiran dan Pengungkapan Aspek Balaghah

1) Surah al-A'raf

﴿وَنَادَى أَصْحَابُ النَّارِ أَصْحَابَ الْجَنَّةِ أَنْ أَفِيضُوا عَلَيْنَا مِنَ الْمَاءِ أَوْ مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ﴾

Ahli neraka menyeru kepada ahli syurga dengan berkata: "limpahkanlah kepada kami sedikit dari air atau dari rezeki (makanan) yang telah dikurniakan Allah kepada kamu

(al-A'raf 7: 50)

a. Tafsir

Dalam ayat ini, al-Zuhayli (2009) menerangkan keadaan penghuni syurga dan neraka berada dalam zon keselesaan yang berbeza. Dalam hal ini, penghuni neraka menyeru kepada penghuni syurga supaya diberikan sedikit makanan dan minuman kepada mereka. Pandangan ini disokong oleh Ibn Kathir (1996) yang menyebut bahawa situasi dalam ayat al-Qur'an ini menggambarkan penghinaan terhadap ahli neraka. Mereka meminta sedikit minuman atau makan kepada penghuni syurga namun tidak dihiraukan. Ia menunjukkan betapa hinanya penghuni neraka hingga permintaan mereka terhadap penghuni syurga tidak diendahkan sama sekali.

Jika diteliti pada konteks ayat ini, pengkaji melihat bahawa ia merupakan satu gambaran tentang perbezaan dua penghuni iaitu syurga dan neraka. Penguni syurga merasai dan menikmati kenikmatan syurga yang tidak pernah dirasai ketika di dunia. Begitu juga penghuni neraka yang merasai azab dan siksa tidak terperi yang tidak pernah dilalui atau dirasai ketika di dunia. Konteks ayat ini menceritakan permintaan ahli neraka terhadap ahli syurga yang tidak dihiraukan. Mereka mendambakan supaya ahli syurga melimpahkan sedikit air atau makanan. Ini menggambarkan betapa perit dan azabnya minuman dan makanan penghuni neraka tersebut kerana minuman dan makanan yang mereka nikmati itu bukanlah memberikan kepuasan atau kenikmatan tetapi menambahkan azab dan perit. Justeru, sekiranya penghuni syurga sekadar hanya meludah atau memberikan air ludah sahaja kepada ahli neraka sekali pun sudah cukup membuatkan mereka sedikit lega disebabkan siksanya azab yang tertanggung.

b. Balaghah

Dalam ayat tersebut, antara aspek *balaghah* yang boleh diperhausi pada lafaz *al-ma'* adalah seperti berikut:

i. *al-Ta'rif*

Pengungkapan lafaz *al-ma'* menerusi ayat yang dinyatakan tersebut menerangkan ia sebagai satu rahmat yang diperoleh penduduk syurga dan ia turut ingin dirasai oleh penghuni neraka. Lafaz *al-ma'* tersebut bukan sekadar bermaksud air sahaja malah merangkumi kenikmatan lain termasuklah makanan dan minuman. Gambaran ayat ini menunjukkan bahawa keindahan yang dinikmati oleh penghuni neraka tidak sebegitu nikmat sepertimana dirasai oleh penghuni syurga. Mereka dilimpahkan *al-ma'* yang penuh dengan kepedihan dan azab sengsara di dalam neraka. Gambaran yang penuh nikmat dan keindahan ini dilakarkan dalam ayat berikut:

﴿بِأَنْوَاعٍ وَأَبَارِقٍ وَنَاسٍ مِّن مَّعِينٍ. لَا يُصَدَّعُونَ عَنْهَا وَلَا يُنْفُونَ. وَفَاكِهَةٍ مِّمَّا يَتَخَيَّرُونَ. وَلَحْمِ طَيْرٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ. وَخُورٍ عَذْبٍ﴾

Dengan membawa piala-piala minuman dan tekoh-tekoh serta piala atau gelas yang berisi arak (yang diambil) dari sungainya yang mengalir. Mereka tidak merasa pening kepala dan tidak pula mabuk dengan sebab menikmatinya. Dan juga (dibawakan kepada mereka) buah-buahan dari jenis-jenis yang mereka pilih. Serta daging burung dari jenis-jenis yang mereka ingini. Dan (mereka dilayani) bidadari-bidadari yang cantik parasnya.

(al-Waqi'ah 56: 18-22)

Justeru, penggunaan *al-ta'rif* pada lafaz *al-ma'* dalam konteks ayat al-Qur'an ini menyerlahkan dua perbandingan antara ahli syurga dan neraka. Bagi ahli syurga, *al-ma'* ialah satu nikmat dan rahmat dari Allah dikurniakan kepada mereka manakala bagi ahli neraka pula, *al-ma'* ialah satu kesengsaraan dan azab yang dikurniakan untuk mereka yang kufur ingkar kepadaNya.

ii. Gaya Bahasa *al-Insya'*

Aspek gaya bahasa ini dapat diperhalusi pada kata kerja *أَفِضُوا* yang berbentuk suruhan atau perintah. Salah satu daripada makna di sebalik penggunaan kata kerja *amr* menurut al-Hasyimi (2008) ialah *al-tamanni* (harapan). Oleh yang demikian, relevansi di sebalik pengungkapan gaya bahasa ini memperlihatkan satu pengharapan yang tinggi daripada ahli neraka terhadap penghuni syurga yang menginginkan limpahan air.

Gambaran ayat al-Qur'an tersebut menunjukkan kondisi penghuni neraka yang amat nazak keadaannya dalam neraka hingga terpaksa merayu mengharap air daripada penghuni syurga. Di sebalik pengharapan yang didambakan oleh ahli neraka ini hakikatnya ialah satu harapan palsu buat mereka. Ini menjelaskan bahawa penghuni neraka tidak mempunyai apa jua sebarang kenikmatan yang dapat dikecapi. Di sebalik ungkapan ayat *أَفِضُوا عَلَيْنَا مِنَ الْمَاءِ* ini menunjukkan bahawa penghuni neraka tidak pernah dan tidak akan sesekali diberikan satu peluang untuk merasai limpahan air atau nikmat yang dikecapi oleh penghuni syurga. Mereka juga tidak akan pernah sesekali diberikan layanan istimewa sebagaimana dilakarkan dalam beberapa firmanNya yang berbunyi:

﴿تُسْقَى مِنْ عَيْنٍ آتِيَةٍ. لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ ضَرِيحٍ﴾

“Mereka diberi minum dari matair yang menggelegak panasnya. Tiada makanan bagi mereka (di situ) selain dari pokok-pokok yang berduri”

(*al-Ghasyiah* 88: 5-6)

2) Surah al-Waqi'ah

﴿أَفَرَأَيْتُمُ الْمَاءَ الَّذِي تَشْرَبُونَ﴾

“Selain dari itu, tidakkah kamu melihat air yang kamu minum?”

(*al-Waqi'ah* 56: 68)

a. Tafsir

Al-Zuhayli (2009) menyebut bahawa ayat ini merupakan salah satu daripada tanda atau bukti kewujudan Allah serta kekuasaanNya terhadap hari kebangkitan dan pembalasan. Bukti ini ditujukan kepada mereka yang ingkar serta enggan beriman dengan hari kiamat sebagai satu cabaran kepada mereka. Cabaran tersebut dilontarkan dalam bentuk persoalan tentang air yang mereka minum selama ini menghilangkan rasa dahaga.

Daripada pengamatan terhadap maksud di sebalik ayat ini, pengkaji mendapati bahawa ayat ini dimulakan dengan satu persoalan atau pertanyaan berbentuk ingkar. Pertanyaan tersebut menggambarkan bahawa sikap orang yang enggan beriman pada hari kebangkitan dan pembalasan adalah bersikap mengingkari walaupun mereka telah diberikan bukti dan hujan-hujah. Dalam konteks ayat ini, Allah menggunakan lafaz air atau *al-ma'* sebagai satu daripada banyak tanda kekuasaanNya yang menghilangkan rasa dahaga apabila diminum. Namun, dengan sekecil-kecil bukti itu mereka masih tidak beriman kepada Allah apatah lagi jika didatangkan bukti kebesaranNya yang lebih besar. Maka, mereka yang ingkar dan enggan beriman kepada Allah serta hari kebangkitan dan pembalasan adalah orang yang mendustakan ayat-ayat Allah.

b. Balaghah

Dalam ayat tersebut, pengungkapan lafaz *al-ma'* dapat dikupas dari aspek berikut:

i. *al-Ta'rif*

Ayat ini dimulakan dengan satu persoalan tentang air dan ia ditujukan kepada mereka yang ingkar kepada Allah. Mereka dicabar oleh Allah disebabkan keingkaran mereka untuk beriman kepada Allah dengan melontarkan persoalan ringkas tentang air yang mereka minum setiap hari.

Setelah melihat kepada struktur ayat tersebut, dapat difahami bahawa lafaz *al-ma'* yang tertera secara *al-ta'rif* membawa pengertian ancaman dan cabaran khusus kepada mereka yang enggan beriman kepada Allah. Dalam erti kata yang lain, soalan yang diajukan kepada mereka tersebut sebenarnya satu ancaman yang bakal diterima pada hari kebangkitan kelak. Ini kerana mereka menafikan tentang kewujudan Allah sebagai pencipta dan tuhan. Justeru, Allah melontarkan persoalan ringkas kepada mereka menerusi air yang diminum oleh mereka setiap hari supaya mereka membuka minda dan fikiran tentang kewujudan air yang berasal dari mana dan

siapa pencipta. Realitinya, mereka akur kewujudan tuhan yang menciptakan air namun enggan untuk mengakui dan merelakan hati untuk beriman kepada Allah.

Selain itu juga, *al-ma'* yang zahir dalam ayat ini menjadi satu cabaran kepada mereka. Cabaran yang dipertontonkan ini dirakam dalam firmanNya menerusi ayat berikut:

﴿ءَأَنْتُمْ أَنْزَلْتُمُوهُ مِنَ الْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ الْمُنزِلُونَ﴾

“Kamukah yang menurunkannya dari awan (sebagai hujan) atau Kami yang menurunkannya? ”
(*al-Waqi'ah* 56: 69)

Sehubungan itu, cabaran yang dilontarkan ini menjadi tempas bukan hanya pada mereka yang enggan beriman pada waktu dan ketika itu sahaja bahkan kepada semua manusia di dunia ini pada amnya yang enggan mengakui kewujudan hari kebangkitan. Kesimpulannya, ancaman dan cabaran air atau *al-ma'* sebenarnya ingin menarik minat khususnya yang enggan beriman kepadaNya atau kafir untuk lebih mendekatkan diri mengenali sang pencipta yang Esa. Ini kerana prinsip dalam agama itu sendiri sudah jelas iaitu awal-awal dalam agama ialah mengenal Allah. Sekiranya mereka telah mengenali sang pencipta yang Esa menerusi tanda-tanda dan bukti kekuasaanNya, mereka akan tulus hati meyakini bahawa air yang diminum oleh manusia berasal dari pencipta yang sama dan ia juga akan dibinasakan oleh pencipta yang sama. Begitu jugalah manusia yang diciptakan dari tuhan yang sama dan akan mati dibangkitkan semula oleh tuhan yang sama iaitu Allah.

ii. Nazm

Dalam ayat tersebut, lafaz *al-ma'* digandingkan dengan kata kerja yang berbeza iaitu رَأَيْتُمْ yang berbentuk *fi'il madhi* dan تَشْرَبُونَ yang berbentuk *fi'il mudhari'*. Pada dasarnya, ayat Al-Qur'an tersebut dimulakan dengan ungkapan kata kerja *madhi* sebagai menunjukkan bukti bahawa air yang wujud pada hari ini ialah air yang sama telah wujud pada zaman dan umat terdahulu. Ia menjadi tanda kewujudan Allah sebagai pencipta kepada air kerana air merupakan salah satu daripada penciptaan terawal yang telah wujud pada masa lalu sepertimana tertera dalam firmanNya:

﴿وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ﴾

“Dan Dia lah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa, sedang "ArasyNya, berada di atas air”

(*Hud* 11: 7)

Manakala penggunaan kata kerja *mudhari'* iaitu تَشْرَبُونَ pula menerangkan bahawa air yang diminum oleh manusia pada hari ini dan seterusnya ialah air yang sama telah diminum oleh umat dan kaum terdahulu dari mereka sekarang. Ia ditujukan khusus kepada manusia pada hari ini dan generasi seterusnya untuk melihat sejauh mana manusia akan melakukan amalan dan kebajikan terhadap ciptaanNya yang telah wujud sekian lama iaitu air. Justeru, dapatlah dikatakan bahawa *al-ma'* dalam ayat Al-Qur'an ialah air yang sama telah diminum dan juga digunakan oleh umat manusia terdahulu hingga ke hari ini.

3) Surah al-Mulk

﴿قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَاءٍ مَّعِينٍ﴾

“Katakanlah lagi: *Bagaimana fikiran kamu sekiranya air hilang lenyap (ditelan bumi), maka siapakah (selain Allah) yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa terpancar mengalir?*”

(al-Mulk 67: 30)

a. Tafsir

Menurut al-Qanuji (1992), ayat al-Qur'an ini merupakan satu jawapan Allah kepada musyrikin Mekah di atas doa mereka supaya Nabi Muhammad dan orang-orang beriman dibinasakan setelah mereka mendengar khabar tentang azab terhadap orang-orang kafir. Jawapan tersebut merupakan satu pertanyaan yang dilontarkan kepada kaum musyrikin Mekah supaya mereka terbuka minda dan fikiran sejenak. Pertanyaan tersebut menjadi sindiran kepada mereka dengan menyatakan siapakah yang akan memberikan air kepada mereka sekiranya air di atas bumi ini hilang atau lenyap.

Di sebalik ayat ini, pengkaji dapat melihat bagaimana Allah mengakhiri surah ini dengan satu bentuk pertanyaan. Apa yang jelas di sini ialah ayat ini merupakan satu jawapan yang penuh dengan sindiran sinis kepada kaum musyrikin Mekah ekoran doa mereka terhadap baginda nabi dan orang-orang beriman. Dalam konteks ayat ini, Allah menggunakan air sebagai satu pertanyaan kepada kaum musyrikin Mekah. Hal ini menunjukkan bahawa air adalah sumber kehidupan dan ketiadaan air di atas muka bumi ini bukan hanya mengakibatkan kaum musyrikin Mekah mati kekeringan serta kehausan malah seluruh manusia atau makhluk di muka bumi ini turut sedemikian. Maka, air yang disebutkan dalam ayat ini menggambarkan bahawa tiada siapa pun yang mampu mewujudkan air melainkan Allah sahaja. Dengan ketiadaan air sahaja Allah mampu membinasakan mereka dengan begitu mudah sekali.

b. Balaghah

Berdasarkan ayat tersebut, pengungkapan lafaz *al-ma'* dapat dihuraikan penggunaannya dari aspek berikut:

i. Nazm

Ayat ini bermula dengan satu persoalan atau pertanyaan berkaitan dengan air yang menunjukkan masa telah lalu melalui kata kerja *رَأَيْتُمْ*. Kemudian, ia dijawab dengan jawapan berbentuk pertanyaan yang dapat diperhatikan melalui kata kerja *mudari^c* iaitu *يَأْتِيكُمْ*.

Apabila dilihat pada ayat ini, pertanyaan tersebut telah diajukan pada masa lalu dan ia dijawab dengan menggunakan kata kerja *mudari^c*. Ia seolah-olah menunjukkan pertanyaan tersebut dijawab kemudian dengan jawapan yang menunjukkan pada masa akan datang. Berikutan dari pertanyaan tersebut, dapat dijelaskan bahawa penggunaan kata kerja *mudari^c* ini menggambarkan tentang kewujudan tuhan selain Allah. Struktur ayat tersebut merupakan sindiran

yang dilontarkan kepada kaum musyrikin Mekah untuk memperlihatkan seolah-olah mereka juga sebenarnya mempunyai tuhan sendiri yang memberikan air di atas muka bumi ini.

Oleh yang demikian, pengungkapan kata kerja tersebut bertujuan memberikan cabaran kepada kaum musyrikin Mekah supaya membuktikan tuhan mereka kononnya memberikan air pada masa akan datang dan seterusnya. Persoalan yang ditujukan kepada mereka ini juga bertujuan melihat respon kaum musyrikin Mekah terhadap keyakinan mereka tentang kewujudan Allah yang mewujudkan air di bumi ini. Maka, dapat disimpulkan bahawa pengungkapan kata kerja *mudari^c* yang digandingkan dengan lafaz *ma'* membentuk keyakinan dan iktikad khususnya kaum musyrikin Mekah dan umumnya pada manusia sekalian alam dari dulu hingga ke hari ini tentang kewujudan tuhan yang mentadbir alam semesta serta menciptakan segala-galanya. Dengan adanya kata kerja tersebut, ia menjadi penegasan bahawa yang mewujudkan air di atas muka bumi ini ialah pencipta yang sama hingga ke hari ini.

4) Surah al-Nazi^cat

﴿أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَاهَا﴾

“*Ya mengeluarkan dari bumi itu airnya dan tumbuh-tumbuhannya*”

(*al-Nazi^cat 79: 31*)

a. Tafsir

Menurut Qutb (1978) dan al-Shawkani (1994), ayat tersebut menerangkan bahawa Allah yang mengeluarkan air dari bumi sama ada melalui mata air, sungai, laut atau hujan yang turun dari langit. Kemudian, Allah mengeluarkan tumbuh-tumbuhan dari bumi untuk kehidupan semua makhluk alam.

Bersandarkan kepada pandangan tersebut, dapat ditegaskan bahawa air yang berada di dasar atau perut bumi merupakan bukti tanda kekuasaan Allah yang tiada tolak bandingan. Hanya dengan air sahaja mampu mengeluarkan satu kehidupan alam yang murni dan indah. Bahkan, dengan air jugalah ia mampu membawa kepada punca terbitnya rezeki dan sumber jana pendapatan sepertimana yang difirmankan dalam ayat berikut:

﴿اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ﴾

“*Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu*”

(*Ibrahim 14: 32*)

Sehubungan itu, intipati daripada ayat ini membawa pembaca kepada memupuk nilai erti kesyukuran dan pengabdian diri kepada Allah kerana air yang terbit dari bumi merupakan satu nikmat kecil yang tidak terhitung. Sekecil-kecil nikmat air yang dianugerahkan oleh Allah di atas muka bumi ini mampu menyerlahkan kehidupan makhluk sekalian alam yang lebih baik dan rezeki yang melimpah ruah.

b. Balaghah

Pengungkapan lafaz *al-ma'* dalam ayat tersebut dapat dikupas aspek *balaghah* seperti berikut:

i. Nazm

Dalam struktur ayat tersebut, lafaz *ma'* digandingkan dengan *mar'a* yang memperlihatkan kepentingan air kepada kehidupan alam. Ayat ini memperincikan bahawa punca atau asal usul keluarnya air bermula daripada bumi dengan menyebut lafaz *ma'* terlebih dahulu dan kemudian diikuti dengan lafaz *mar'a*. Ini menunjukkan titik tolak kehidupan alam yang bermula daripada air kerana ia menjadikan sesuatu kehidupan alam itu hidup. Perkara ini telah termaktub dalam firmanNya yang berbunyi:

﴿وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيًّا﴾

“Dan Kami jadikan dari air tiap-tiap benda yang hidup”

(*al-Anbia' 21: 30*)

Rentetan daripada firman di atas, jelas bahawa air ialah kunci kepada kehidupan dan juga pencetus hidup kepada alam. Gandingan lafaz *ma'* dan *mar'a* menunjukkan bahawa air ialah penciptaan yang lebih awal sebelum kewujudan tumbuh-tumbuhan. Ini kerana selain matahari, air ialah instrument terpenting kepada percambahan alam kehijauan dan tumbuhan menerusi proses fotosintesis. Sekiranya gandingan kedua-dua lafaz tersebut diterbalikkan dengan menyebut *mar'a* (tumbuh-tumbuhan) terlebih dahulu, ia seolah menyalahi konsep kitaran alam.

ii. Isti'arah

Berdasarkan ayat tersebut, gaya bahasa *isti'arah* ini dapat disaksikan pada ungkapan lafaz *مَرْعَى* iaitu tumbuh-tumbuhan yang digandingkan dengan lafaz *ma'*. Kedua-duanya menjadi sumber yang keluar dari bumi. Pengungkapan *mar'a* kepada bentuk *isti'arah* ini memperlihatkan ia perkataan yang dipinjam dan diungkapkan kepada manusia. Hakikatnya, ungkapan *mar'a* ini digunakan pada haiwan ternakan yang merujuk kepada kawasan lapang dan dipenuhi tanaman hijau sebagai sumber makanan.

Dalam konteks ayat al-Qur'an tersebut, perkataan *mar'a* diaplikasikan kepada manusia untuk menggambarkan manusia seolah seperti ternakan yang hidup di ladang. Ia mengandungi air, tumbuh-tumbuhan dan tanaman yang luas dan banyak sebagai sumber makanan kepada mereka. Justeru, ayat ini sebenarnya mengajak manusia kepada satu pengakuan yang tetap dan tidak berbelah bagi terhadap kewujudan pencipta yang maha agung. Semua yang keluar dari bumi sebagai sumber air dan makanan adalah dengan kehendak Allah yang menjadi manfaat kepada manusia dan haiwan ternakan yang diibaratkan sebuah ladang yang dicoretkan pada ungkapan *mar'a*. Perkara ini turut dijelaskan menerusi firmanNya yang berbunyi:

﴿وَجَعَلْنَا الْأَرْضَ عُيُونًا فَالْتَقَى الْمَاءُ عَلَى أَمْرٍ قَدْ قُدِرَ﴾

“Dan Kami jadikan bumi memancarkan mata air-mata air (di sana sini), lalu bertemulah air (langit dan bumi) itu untuk (melakukan) satu perkara yang telah ditetapkan”

(*al-Qamar 54: 12*)

Al-Qurtubi (2006) menyebut bahawa ungkapan *mar'a* yang tertera dalam ayat tersebut ialah tanaman yang dihasilkan manakala lafaz *ma'* ialah mata air-mata air yang memancarkan airnya. Berteraskan kepada pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa ungkapan *mar'a* dan *ma'*

ialah simbolik kepada dua perkara asas yang menjadi punca rezeki bagi semua makhluk di alam ini iaitu makanan dan minuman. Kedua-dua perkara asas tersebut bertitik tolak dari sumber hasil yang keluar dari bumi untuk dimanfaatkan oleh semua makhluk di atas muka bumi.

Kesimpulan

Daripada kupasan yang telah dinyatakan dalam perbahasan ini, dapat dijelaskan bahawa setiap lafaz *al-ma'* dalam al-Qur'an mengandungi penceritaan tersendiri dan input serta mesej yang ingin disampaikan. Dalam masa yang sama, ia bukan sekadar memberikan input berguna untuk dihayati dalam kehidupan malah setiap lafaz *al-ma'* juga menyerlahkan kesenian gaya Bahasa tersendiri seperti *al-ta'rif, nazm, uslub al-insya'* dan *isti'arah*.

Oleh yang demikian, perlu difahami bahawa lafaz *al-ma'* yang termaktub dalam variasi ayat yang berbeza mampu mencernakan mesej masing-masing di sebalik kontekstual ayat dan tema sesuatu ayat al-Qur'an yang berbagai-bagai. Hakikatnya, setiap mesej tersebut adalah bertujuan untuk membawa manusia kembali kepada pencipta yang maha agung dan tiada tolak bandingan dalam mengabdikan diri kepadaNya.

RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim.

al-Hashimi, al-Sayyid Ahmad. 2008. *Jawahir al-Balaghah fi al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-Badi'*. Bayrut: Mu'assasah al-A'la.

Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abi al-Fida'. 1998. *Tafsir Ibn Kathir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Muhammad, Salah al-Din Salim. 2010. Lafz al-Ma' wa ma Yadullu 'Alayhi fi Nusus min al-Tanzil. *Majallat Abhath Kuliyyat al-Tarbiyyah al-Asasiyyah* 9(4): 279-297.

Qutb, Sayyid. 1978. *Fi Zilal al-Qur'an*. Qaherah: Dar al-Shuruq.

al-Qanuji, Abi Tayyib Siddiq bin Hasan bin 'Ali al-Husayn. 1992. *Fath al-Bayan fi Maqasid al-Qur'an*. Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyyah.

al-Qurtubi, Abi 'Abdullah Muhammad. 2006. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.

al-Shawkani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. 1994. *Fath al-Qadir*. Qaherah: Dar al-Hadith.

al-Sahari, Abu Muhammad Abdullah bin Muhammad al-Azdi. 466H. *al-Ma' Awwal Mu'jam al-Tibbiy Lughawiy fi al-Tarikh*. Oman.

al-Sayyid, Muhammad Husin Ali, Zul Azhan Abdul Halim & Kamarul Syukri Mat The. 2017.

Dirasah Tahliliyyah li Muhsanah al-Tibaq fi Suwar al-Nur. *Jurnal Islam Dan Masyararkat Kontemporari*. 15(1): 159-176.

Sa'ad, 'Aisat Qaddur. 2015. Jamaliyyat al-Mathal fi al-Qur'an al-Karim Dirasah Uslubiyyah. Tesis Sarjana. Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab, Universiti Oran.

Saihud, Khaulah Salih, 2019. Jamaliyyah Tashbih fi al-Suwar al-Makkiyyah. *al-Majallah al-Dauliyyah li al-'Ulum al-Insaniyyah wa al-Ijtima'iyah*. 9(1): 1-15.

Yaaqob, Luay Hatem. 2014. al-Dilalat al-Lughawiyah li al-Ma' fi al-Nas al-Qur'ani Dirasah Balaghiyyah. *Anemon MSU Sosyial Bilimler Dergisi* 2(2): 43-62.

- al-Za'arir, Ghalib Muhammad Raja. 2003. *al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim*. Madinah al-Munawwarah: Maktabat Dar al-Zaman.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2009. *Tafsir al-Munir fi al-'Akidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dar al-Fikr.